

BIL.	HURAIAN KERJA	JUMLAH (RM)
	<p>KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM Menyediakan perkara-perkara berikut:-</p>	
A	<p>Kerja-kerja awalan seperti penyediaan pengangkutan oleh pihak kontraktor bagi menghantar ke tapak serta mengeluarkan dari tapak peralatan/mesin/ jentera/loji/lori, buruh, penyediaan laluan keluar/masuk sementara bagi kerja-kerja menaiktaraf pasar dan lain-lain kerja berkaitan. (sila rujuk lampiran di dalam <i>Preambles</i>)</p>	
	<p>Perlindungan Takaful/Perlindungan Insurans</p>	
B	<p>Polisi takaful/Insurans Tanggungan Awam (iaitu takaful/insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta)</p>	
C	<p>Polisi takaful/Insurans Kerja</p>	
D	<p>Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)</p> <p>**Kontraktor adalah digalakkan untuk mengambil pelan perlindungan takaful berbanding pelan perlindungan insurans.</p>	
E	<p>Menyediakan Bon Pelaksanaan (Performance Bond) :- Bank/Islamic Bank/BPIMB/Insurans/Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan* Wang Jaminan Perlaksanaan (WJP)* * Potong mana yang tidak berkenaan</p>	
F	<p>Papantanda Projek Kerja-kerja bekal dan pasang satu (1) papantanda projek mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Hendaklah dipasang sebelum projek berjalan hingga siap projek termasuk membuka dan membawa keluar dari tapak.</p>	
G	<p>Laporan Bergambar Menyediakan laporan bergambar sebelum, sedang dan selepas kerja dijalankan di tapak. Penyediaan tuntutan bayaran lengkap dengan gambar sebelum, semasa dan selepas siap kerja dan dijilidkan, diserahkan semasa membuat tuntutan pembayaran lengkap dengan inbois, borang taking off, pelan lokasi, gambar kerja beserta tarikh dan dijilid kemas. (laporan bergambar disediakan dan dijilidkan dalam 2 salinan berwarna)</p>	
H	<p>Peralatan Keselamatan Penyediaan peralatan keselamatan yang mencukupi semasa bekerja seperti papantanda, amaran/lalulintas, topi keselamatan, but keselamatan, <i>safety vest</i>, bendera, lampu bikon, kon, pita keselamatan (<i>red and white hazard</i>) sebanyak tiga (3) lapisan termasuk tiang kayu dan lain-lain keperluan yang berkaitan sepanjang tempoh kerja untuk semua pekerja/kakitangan kontraktor.</p>	
J	<p>Penyediaan Jadual Perancangan Kerja (Work Programme) Menyediakan dan mengemukakan Jadual Perancangan Kerja (<i>Work Programme</i>) sebelum kerja di tapak bagi memantau dan mengenalpasti status kemajuan kerja di tapak dari masa ke semasa.</p>	
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA :		